



Kenyataan Media

KES ZARA QAIRINA: HORMATI KELUARGA, ELAK SEBAR KANDUNGAN BERKAITAN KANAK-KANAK DI MEDIA SOSIAL

CYBERJAYA, 7 Ogos 2025 – Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) memandang serius gesaan Ketua Polis Negara dan Jabatan Peguam Negara agar orang ramai menghentikan penyebaran maklumat tidak sahih berkaitan Allahyarham Zara Qairina Mahathir.

Penyebaran gambar, video, atau sebarang maklumat yang belum disahkan bukan sahaja boleh mengguris perasaan ahli keluarga, malah bercanggah dengan nilai etika, serta berpotensi melanggar undang-undang sedia ada.

MCMC turut mengulangi peringatan YB Menteri Komunikasi, Datuk Fahmi Fadzil agar semua pihak menghormati siasatan yang sedang dijalankan oleh pihak berkuasa dan tidak membuat sebarang spekulasi yang menimbulkan kekeliruan dalam kalangan masyarakat.

Penyebaran maklumat palsu merupakan satu kesalahan di bawah Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 [Akta 588], yang memperuntukkan hukuman denda maksimum RM500,000, atau penjara sehingga dua (2) tahun, atau kedua-duanya sekali, jika sabit kesalahan.

KOMUNIKASI KORPORAT MCMC

Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia | Malaysian Communications and Multimedia Commission
MCMC Tower 1, Jalan Impact, Cyber 6, 63000 Cyberjaya, Selangor MALAYSIA
T: + 60 3 86 88 80 00 | F: + 60 3 86 88 10 00 | E: corporate.communications@mcmc.gov.my | W: www.mcmc.gov.my



Suruhanjaya Komunikasi
Dan Multimedia Malaysia



MCMC_RASMI



SKMM_MCMC



MCMCTV